

Tampar adik perempuan, penganggur dipenjara tiga minggu, denda RM1,000

MIRI: Gara-gara menampar adik perempuannya, seorang penganggur dijatuhi hukuman penjara tiga minggu dan denda RM1,000 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Sandy Yvette Freddy setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan salah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, berat kesalahan yang dilakukannya serta mengambil kira kepentingan awam.

Tom John, 39, dari Long Jegan, Tinjar, Baram telah didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan dan dibaca bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Seksyen 323 memperuntukkan hukuman penjara setahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali,

manakala Seksyen 326A membawa hukuman dua kali ganda tempoh pemenjaraan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 323.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati dengan sengaja telah mendatangkan kecederaan ke atas adik perempuannya yang berusia 20 tahun dengan menampar pipi kanan mangsa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10 malam, 29 September lalu di sebuah lot di Jalan Lambir 1, Taman Jelita di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan memandangkan dia telah menyesalkan akan perbuatannya itu dan juga sudah berbaik dengan mangsa.

Sementara dalam satu kes berasingan, Tom turut didenda RM2,000 atau dua bulan penjara dan diperintah

menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua tahun setelah mengaku bersalah terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Bagi kesalahan itu, tertuduh telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan dikehendaki serta-merta menjalani pengawasan oleh pegawai sepertimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah

menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADb 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah itu ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.40 pagi, 22 Januari 2016 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Dalam rayuannya, Tom turut merayu agar hukuman ke atasnya diringkaskan memandangkan dia tidak lagi pernah mengambil dadah selepas kes itu.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dikendalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzi-lawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.